

# **PANDUAN CALON MENDUDUKI PEPERIKSAAN SUBJEK JABATAN**

## **1. Permohonan Peperiksaan :**

- i. Permohonan peperiksaan, sukatan dan jadual peperiksaan boleh didapati di laman web peperiksaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (<https://epeperiksaan.customs.gov.my>)
- ii. Permohonan perlu diisi dengan lengkap
- iii. Calon digalakkan memohon seawal mungkin sebelum tarikh tutup permohonan
- iv. Permohonan yang diterima selepas tarikh tutup akan DITOLAK
- v. Calon yang tidak mendaftar TIDAK dibenarkan menduduki peperiksaan

## **2. Pusat peperiksaan :**

- i. Pusat peperiksaan adalah mengikut negeri/stesen calon bertugas
- ii. Pertukaran pusat peperiksaan adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali mendapat kebenaran bertulis dari urus setia peperiksaan di Unit Kompetensi, Jabatan Kastam Diraja Malaysia Ibu Pejabat
- iii. Pertukaran pusat peperiksaan secara tiba-tiba (*last minute*) adalah tidak dibenarkan
- iv. Pertukaran pusat peperiksaan hanya dibenarkan atas sebab-sebab berikut :
  - a. Pertukaran tempat bertugas (surat arahan pertukaran hendaklah disertakan)
  - b. Masalah kesihatan (surat laporan kesihatan daripada pegawai kesihatan hendaklah disertakan)
  - c. Jarak rumah ke pusat peperiksaan adalah dekat

## **3. Tanggungjawab calon :**

Calon hendaklah mematuhi peraturan seperti yang ditetapkan antaranya :

- i. Calon perlu membawa **slip arahan calon, kad pengenalan** dan **alat tulis**
- ii. Calon **wajib** berpakaian uniform dan kemas
- iii. Bahan rujukan yang berkaitan dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan **kecuali** nota tangan, nota slaid dan nota digital
- iv. Peranti pintar seperti *handphone* juga tidak dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan
- v. Sekiranya calon tidak mengikut peraturan, ketua pengawas boleh menghalang calon daripada menduduki peperiksaan

## **4. Keputusan :**

- i. Semakan keputusan peperiksaan adalah secara atas talian melalui laman web peperiksaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (<https://epeperiksaan.customs.gov.my>)
- ii. Keputusan peperiksaan akan dikeluarkan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh peperiksaan
- iii. Keputusan peperiksaan dianggap **TERBATAL** sekiranya calon didapati tidak layak menduduki peperiksaan yang berkaitan